

25/10/1999

BN untuk semua (HL)

Zulkofli Jamaludin; Bakhari Ariff

KUALA LUMPUR, Ahad - Barisan Nasional (BN) yang ditubuhkan sejak 25 tahun lalu, berjaya mengekalkan keamanan dan memajukan ekonomi kerana pakatan itu dibentuk untuk membela nasib semua rakyat.

Berucap pada perayaan ulang tahun ke-25 BN di Stadium Nasional Bukit Jalil di sini malam ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut mengimbuai sejarah penubuhan gabungan itu serta kejayaannya dalam bidang politik, ekonomi, sosial serta pembangunan negara.

"BN mewarisi parti Perikatan yang berjuang mendapatkan kemerdekaan dan sehingga kini berjaya mempertahankan negara kita sejak merdeka," katanya di hadapan lebih 100,000 rakyat pelbagai kaum yang menyertai perayaan itu.

Sambutan bertemakan Teguh, Padu Ke Alaf Baru itu disiarkan secara langsung menerusi hampir semua stesen televisyen. Turut hadir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali serta Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan semua pemimpin parti komponen BN.

Dalam ucapan kira-kira sejam setengah itu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, pada 1974 Perikatan diperluaskan hingga terbentuk BN bagi memberi peluang parti kecil menyertai gabungan itu.

"Dalam Dewan Tertinggi BN setiap parti, sama ada kecil atau besar, mempunyai tiga orang wakil dengan suara yang sama.

"Sebab itu dasar yang dibentuk oleh BN mengambil kira pendapat semua kaum. Kita tidak mengetepikan mana-mana kaum atau suku kaum walaupun mereka tidak ramai.

"Inilah BN yang berjaya membentuk dasar, rancangan dan menstabil serta membangunkan Malaysia sehingga menjadi negara termaju di antara negara membangun dalam dunia," katanya.

Beliau berkata, BN kini disertai 14 parti yang mewakili semua kaum dan suku kaum yang mana tiada sesiapa yang tidak diberi peranan dalam pentadbiran negara.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, rakyat harus menerima hakikat tidak ada rancangan dan dasar yang boleh mendatangkan hasil dengan serta-merta.

"Kita boleh ada dasar yang diterima hari ini, hasilnya tidak dapat dilihat hari ini. Begitu juga rancangan walau bagaimana baik pun, tidak boleh mendatangkan hasil segera. Kita memerlukan masa untuk melaksanakannya.

"Begitu juga sudah tentu akan ada rakyat yang tidak suka dengan rancangan atau dasar tertentu.

"Tetapi oleh kerana BN mempunyai kekuatan yang cukup, maka kerajaan BN dapat melaksanakan dasar dan rancangan yang diciptanya.

"Memang ada tentangan, tetapi saya ingin jelaskan bahawa apabila kerajaan kukuh dan kuat, barulah kerajaan dapat melaksanakan dasar dan rancangan untuk membangunkan negara," katanya.

Menyingkap rusuhan kaum 1969, Dr Mahathir berkata: "Apabila kita dapati rusuhan berlaku, kita tidak mengekalkan rusuhan dan tidak menegangkan lagi perhubungan kaum. Sebaliknya kita jadikan rusuhan 1969 sebagai pengajaran.

"Kita kaji sebab rusuhan berlaku dan berpendapat ia berlaku kerana Bumiputera tidak menikmati bahagian yang sepatutnya bagi diri mereka. Kaum bukan Bumiputera pula berpendapat mereka tidak mempunyai peranan secukupnya dalam pemerintahan negara.

"Memandangkan kepada masalah ekonomi yang menyebabkan rusuhan itu, maka pemimpin politik yang terdiri daripada parti kerajaan dan lawan berunding

serta bersetuju supaya satu pendekatan dibuat untuk menyelesaikannya.

"Dengan itu terbentuklah DEB yang bertujuan mengagihkan kekayaan negara secara lebih saksama kepada rakyat berbilang kaum di negara kita," katanya.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir, apabila kerajaan membentuk dasar ekonomi baru, ramai yang turut mengecamnya.

"Mereka berpendapat rancangan ini akan merugikan kaum bukan Bumiputera, sebaliknya Bumiputera tidak akan mendapat keuntungan daripadanya.

"Mungkin pada tahun pertama, kedua dan ketiga kita tidak dapat lihat kebaikan dan keburukan DEB. Tetapi hari ini kita dapat lihat dengan jelas bagaimana DEB dapat mengagihkan kekayaan negara kita dengan lebih saksama.

"Jadi, dengan terbentuknya DEB dan BN, negara kita menjadi lebih stabil dan lebih aman. Kita dapat tumpu kepada pembangunan negara.

"Dan alhamdulillah sejak 1969 negara kita aman dan stabil. Ia aman dan stabil kerana rakyat dengan bijak memberi mandat secukupnya kepada kerajaan.

"Rakyat memilih BN dan menganugerah kepada kelebihan kerusi lebih dua pertiga ... dengan itu kerajaan BN tidak mudah ditumbang atau digulingkan," katanya.

Menurutnya, ramai yang beranggapan BN ingin majoriti dua pertiga semata-mata untuk meminda perlembagaan.

"Ini tidak benar. Kita tidak selalu meminda perlembagaan. Kita hanya meminda perlembagaan apabila perlu dan penting sahaja. Tetapi dengan kerusi yang lebih dua pertiga ini, sukar bagi mana-mana pihak menjatuhkan kerajaan," katanya.

Dalam ucapannya yang kerap disusuli tepukan dan sorakan hadirin, Dr Mahathir turut menegaskan BN bukan ditubuhkan untuk membela nasib sesiapa, seperti yang diperjuangkan parti Keadilan.

"Keadilan ditubuhkan hanya apabila seorang itu mengalami nasib yang tidak baik. Jika tidak kerana itu, tidak ada parti Keadilan. Mereka bercakap mengenai keadilan tetapi bagi mereka keadilan hanya terhad kepada pembebasan seorang saja," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir menasihatkan pemimpin dan parti pembangkang menggugurkan perjuangan sia-sia mereka kerana ia tidak akan mendatangkan apa-apa kebaikan kepada negara.

"Wahai penyokong dan pemimpin parti lawan, bukalah mata, telinga dan hati kamu dan lihatlah dunia di sekeliling kamu.

"Lihatlah pembangunan yang sudah diusahakan BN dan janganlah kamu melemparkan fitnah, berbohong dan menidakkan kejayaan BN," katanya sambil menyifatkan pakatan parti pembangkang melalui Barisan Alternatif hanya satu cubaan untuk menipu sesama mereka.

Pada akhir ucapannya, Perdana Menteri mengucapkan terima kasih kepada rakyat kerana terus memberi kepercayaan kepada kerajaan BN.

Dr Mahathir juga berharap tema sambutan iaitu Teguh Padu Ke Alaf Baru dapat mengekalkan perpaduan rakyat dan sama-sama mara ke alaf baru bagi membangunkan Malaysia sebagai negara maju supaya diiktiraf dan dihormati dunia.

"Banyak lagi yang perlu dibuat. Kita belum mencapai matlamat kita. Perjuangan kita belum selesai, harus terus ... amat penting sekali BN terus kekal menjadi kerajaan," katanya.

(END)